

25 MAR 1996

LIM NAFI PEMBANGKANG GUNA MAHKAMAH DAN PARLIMEN UNTUK POLITIK

KUALA LUMPUR, 25 Mac (Bernama) -- Ketua Pembangkang, Lim Kit Siang hari ini menafikan yang parti pembangkang menggunakan mahkamah dan parlimen untuk mendedahkan sesuatu isu semata-mata kerana kepentingan politik.

Lim yang juga Setiausaha Agung DAP berkata parti pembangkang mengemukakan dan membahaskan sesuatu isu dalam mahkamah atau parlimen semata-mata kerana menunaikan tanggungjawab mengetengahkan masalah dan pandangan rakyat.

Semalam Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata tindakan parti pembangkang membawa sesuatu kes ke mahkamah atau membawa usul ke parlimen lebih banyak bermotifkan politik daripada tujuan mencari keadilan.

Lim memberitahu pemberita, sebagai contoh isu kerugian Perwaja seharusnya dikemukakan dan dibahaskan di parlimen supaya rakyat mengetahui kedudukan sebenar berhubung masalah yang dihadapi syarikat berkenaan.

Katanya, parti pembangkang mendedahkan sesuatu penyelewengan menerusi parlimen atau mahkamah supaya ia boleh menjadi iktibar dan tidak berulang pada masa akan datang. -- BERNAMA

NJ NMO